

# **STPM Kertas 1 2020:**

## **Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan**

- (a) Takrifkan liabiliti dan ekuiti:

Liabiliti merujuk kepada obligasi semasa yang wujud daripada satu urus niaga yang telah berlaku yang perlu dijelaskan pada satu masa hadapan yang tertentu.

Ekuiti merujuk kepada hak tuntutan pemilik terhadap aset-aset perniagaan selepas ditolak tuntutan liabiliti.

- (b) Obligasi semasa dalam kedua-dua situasi wujud secara kontrak. Perbezaannya antara kedua-dua liabiliti ini adalah cara menjelaskan obligasi semasa tersebut.

Bagi liabiliti akaun belum bayar, obligasi semasa akan dijelaskan apabila perniagaan membayar hutang kepada pembekal dalam tempoh masa kredit yang diberikan. Contoh urus niaga yang merujuk kepada obligasi semasa sebegini ialah belian barang niaga secara kredit.

Bagi hasil belum terperoleh, obligasi semasa akan dijelaskan dengan memberi perkhidmatan yang dipersetujui semasa menerima bayaran secara terdahulu. Contoh urus niaga adalah penerimaan tunai secara terdahulu untuk barang niaga yang akan dibekalkan pada masa hadapan.

- (c) Liabiliti waranti diiktiraf sebagai satu liabiliti, maka ia akan direkodkan sebagai liabiliti semasa di Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan.

Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf sebagai liabiliti, maka ia hanya akan dipersembahkan dalam nota-nota kepada akaun dalam laporan kewangan perniagaan.

- (d) (i) Catatan jurnal

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2018		RM	RM
Jun 30	Belanja faedah NBB Faedah NBB belum bayar (Merekod belanja faedah NBB pada akhir tempoh perakaunan)	320	320
	Belanja faedah pinjaman Faedah pinjaman belum bayar (Merekod belanja faedah pinjaman pada akhir tempoh perakaunan)	1,800	1,800
	Hasil belum terperoleh Hasil perkhidmatan (Merekod hasil yang sudah terperoleh pada akhir tahun)	3,360	3,360
	Hasil perkhidmatan Hasil belum terperoleh (Merekod hasil yang belum terperoleh pada akhir tahun)	657,000	657,000

(ii) Bahagian liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>Liabiliti semasa</b>		
Akaun belum bayar	26,000	
Gaji belum bayar	5,500	
Belanja utiliti terakru	2,800	
Faedah NBB belum bayar	320	
Faedah pinjaman belum bayar	1,800	
Hasil belum terperoleh	8,340	
Nota belum bayar 8%	12,000	
Pinjaman 12% (matang Okt 2018)	10,000	66,760
<b>Liabiliti bukan semasa</b>		
Pinjaman 12%		20,000